

Hubungi Skuad Lembah Klang:

Nur Farhana Abdul Manan - 019-6680275, Asyraf Muhammad - 0196680287,

Norafiza Jaafar - 019-6680258, Hidayah Hairom - 019 - 6680261, Syairi Shaari - 019-6680256

LEMBAH KLANG

Hidu bau busuk setiap hari

Penduduk bimbang berdepan masalah kesihatan, pencemaran sungai

SITI AISAH HABIRIN

PANDAMARAN – Penduduk berdekatan Sungai Aur, di sini, terpaksa menghidu sisa buangan toksik hampir setiap hari berikutan aktiviti pembuangan sampah yang didakwa dilakukan secara haram.

Pembuangan sampah domestik termasuk sisa toksik kilang dipercayai dilakukan di dua kawasan berhampiran sungai tersebut iaitu di Jalan Papan dan Taman Suria Selatan bukan hanya mencemarkan kawasan sekitar malah kualiti air di sungai itu turut terjejas.

Tinjauan *Sinar Harian* semalam mendapati, kawasan tepi sungai dipenuhi sisa buangan dan dikhuatiri apabila air pasang sampah akan di bawa arus hingga ke Sungai Langat dan seterusnya ke laut.

Penasihat Adun Pandamaran, Tee Boon Hock berkata, kegiatan haram ini didakwa sudah berlarutan hampir dua tahun dan penduduk sendiri te-



Boon Hock (tengah) bersama penduduk menutup hidup kerana tidak tahan bau busuk di tapak pelupusan haram berhampiran Jalan Papan, Sungai Aur.

lah beberapa kali melaporkan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) namun perkara ini tetap berulang.

“Memang ada pihak penguat kuasa JAS turun memantau kawasan dan aktiviti ini akan terhenti seketika dalam sebulan kemudian mereka kembali aktif semula.

“Mereka ini seolah-olah tidak takut atau pihak terlibat perlu ambil tindakan tegas seperti merampas jentera yang digunakan untuk mengorek tanah bagi menimbus pasir atau sebagainya,” katanya ketika meninjau kawasan pembuangan sampah haram, di sini semalam.

Boo Hock berkata, dua kawasan itu dipercayai merupakan zon penampungan dan pada kebiasaannya peraturan pembuangan sampah tidak dibenarkan lebih-lebih lagi di kawasan yang sangat hampir dengan sungai.

Tambahnya, terdapat pondok di tapak pembuangan di Jalan Papan

yang dipercayai dikawal kumpulan tertentu untuk mengaut keuntungan daripada lori yang datang untuk membuang sampah di situ.

“Melalui hasil siasatan dan pemantauan pihak saya, lori yang datang ke situ akan dikenakan bayaran mengikut jenis sampah yang mereka mahu buang. Jika sisa toksik dipercayai boleh menjangkau ribuan ringgit. Begitu senang mereka kaut keuntungan sedangkan penduduk di sini menderita akibat bau busuk dan terdedah kepada sisa toksik yang mungkin boleh mengancam kesihatan,” katanya.

Seorang nelayan, Lee Leong Tiong berkata, pendapatan hariannya terjejas kerana hasil tangkapan semakin kurang akibat daripada pencemaran air di Sungai Aur.

Katanya, terdapat tiga jeti berhampiran sungai tersebut dan lebih 100 nelayan kecil di situ merasai keperitan akibat pembuangan sampah haram berkenaan.